

Kementerian Tanah serah kepada Wisma Putra

DIH 10 MAR 20

KUALA LUMPUR: Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menyerahkan kepada Wisma Putra berhubung tindakan Singapura menambak laut di beberapa pantai di perairan Johor sehingga menimbulkan rasa kurang senang beberapa pihak di negara ini.

Menterinya, Tan Sri Kasitah Gadam, berkata isu itu kini di bawah urusan Kementerian Luar kerana membabitkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

"Kementerian menyerahkan kepada Wisma Putra bagi menyelesaikan isu ini dan saya juga sudah menerangkan kepada Perdana Menteri mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Hari Bertemu Pelanggan di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan Singapura menambak laut berhampiran perairan Johor yang memberi kesan langsung kepada sempadan perairan kedua-dua negara.

Akhbar hari ini melaporkan Malaysia mahu Singapura memberi jaminan bahawa kerja penambakan laut di wilayahnya di Selat Tebrau, terutama di Pulau Tekong sekarang tidak menjejaskan sempadan garisan laut terdalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, jaminan itu perlu kerana garisan laut terdalam penting untuk pelayaran dan jika terjejas, ia bukan saja memberi kesan kepada laluan kapal ke Pasir Gudang, malah ke atas perairan republik itu dalam jangka panjang.